



BELUDU diusung untuk menaiki helikopter ke HGM, semalam.

Penerbangan ihsan selamatkan Beludu

Gua Musang: Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melakukan penerbangan ihsan membawa wanita Orang Asli yang mengalami bengkak kaki dan pinggang ke Hospital Gua Musang (HGM), semalam.

Pegawai Perhubungan Awam Unit Udara JBPM Pangkalan Subang, Penolong Penguasa Bomba Mohd Farhan Marzuki berkata, pesakit dikenali sebagai Beludu Asop, 22, yang tinggal di Kampung Lalok, Pos Bihai di pedalaman daerah ini.

Katanya, pihaknya menerima laporan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JakoA) Gombak pada jam 3.40 petang kelmarin dan kru Agusta A109E berlepas

dari Pangkalan Subang pada jam 12.50 tengah hari semalam.

"Penerbangan dikendalikan juruterbang, Kapten Roslan Aziz yang dibantu Penolong Juruterbang, Penolong Penguasa Bomba Fazli Ezham Jamil, mendarat di kampung pesakit pada jam 2.10 petang.

"Pesakit ditemani adiknya, Ramlah yang berumur 18 tahun," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, helikopter mendarat di pekarangan Balai Bomba dan Penyelamat Gua Musang pada jam 2.40 petang dan pesakit kemudian dihantar ke HGM dengan ambulans Unit Bantuan Perkhidmatan Keceemasan (EMRS).